

Perkembangan Kurikulum Pendidikan Khas Teknik dan Vokasional

Crystal Joan Peter, Emeliana binti Elias, Mohd Sofi bin Nasri

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan tentang perkembangan kurikulum pendidikan khas dalam bidang teknik dan vokasional. Perbincangannya merangkumi penilaian sedia ada pendidikan khas masa kini dan cadangan model untuk kurikulum pendidikan khas teknik dan vokasional. Pendidikan adalah serupa dan sama bagi semua pihak. Semua pelajar layak menerima pendidikan walaupun mereka tergolong dalam lingkungan orang kurang upaya. Tetapi, apakah jenis-jenis pendidikan yang wajar digubal bagi pelajar kurang upaya ini. Oleh itu, ingin mencadangkan model kurikulum bagi pelajar kurang upaya ini. Selain itu, penulis juga menjelaskan tentang latar belakang pendidikan khas, kurikulum sedia ada yang wujud dalam pendidikan khas di Malaysia serta penilaian yang dilakukan bagi pelajar-pelajar khas pada masa kini. Penulisan artikel ini juga dilakukan untuk membuka mata masyarakat agar tidak memandang rendah kepada pelajar-pelajar khas ini. Mereka juga layak untuk mengembangkan pengetahuan mereka selain itu, artikel ini juga ditulis untuk menyedarkan pihak industri agar tidak mendiskriminasikan pelajar-pelajar ini. Penulisan ini juga dilakukan untuk mencadangkan model kurikulum baru bagi pelajar-pelajar khas ini supaya mereka dapat mengasah potensi mereka dengan menyeluruh. Ekoran daripada itu, satu analisis deskriptif berkenaan kurikulum pendidikan khas teknik dan vokasional diberikan.

Pendahuluan

Pendidikan merupakan agenda utama pembangunan sesebuah Negara dan tanggungjawab kementerian adalah memberikan pendidikan kepada semua. Oleh itu, pendidikan yang khusus dan bersesuaian dengan keperluan dan kebolehan kanak-kanak yang pelbagai juga perlu disediakan. Pendidikan khas adalah pendidikan yang direka cipta dan dirancang untuk kanak-kanak istimewa. Di Malaysia, pendidikan pemulihan khas telah disediakan untuk membantu murid mengatasi masalah kelemahan menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3m). Tanpa bantuan, mereka akan gagal membina keyakinan diri untuk belajar dan mencari pengalaman yang mengembirakan di sekolah dan mereka juga akan terdicir dari sistem persekolahan sejak awal lagi. Untuk mengelakkan pembaziran dalam pendidikan, penerokaan lebih awal terhadap bentuk pendidikan pemulihan yang lebih berkesan amat diperlukan untuk membantu murid yang lemah meningkatkan potensi diri mereka supaya mampu menjadi warganegara yang berguna pada masa hadapan. Agensi yang terlibat dalam pembangunan warga istimewa di Malaysia ialah Kementerian Pelajaran, Kementerian Wanita dan Pembangunan Masyarakat dan Kementerian Sumber Manusia. Murid khas ataupun kanak-kanak yang istimewa merupakan sekumpulan murid yang kurang upaya dan mengalami masalah pembelajaran. Mereka memerlukan pendidikan dan perkhidmatan khusus bagi memperkembangkan potensi dan kemajuan sendiri. Pendidikan

khass merujuk kepada pengajaran yang direka khas bagi melengkapkan keperluan seseorang kanak-kanak yang luar biasa dan memerlukan bahan-bahan pengajaran khas, teknik pengajaran yang luar biasa serta kemudahan-kemudahan yang tertentu (Hallahan & Kauffman, 1986). Pendidikan khas juga merupakan pendidikan yang menyediakan keperluan pendidikan khas murid (Akta Pendidikan, 1996). Sekolah khas pula ialah sekolah yang menyediakan pendidikan khas yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan di bawah Seksyen 41.

Kurikulum Pendidikan Khas

Falsafah pendidikan khas ialah satu usaha yang berterusan untuk menggalakkan perkembangan optima seseorang individu sebagai seorang yang berkemahiran, berhaluan, berupaya, beriman, berdikari, mampu merancang dan menguruskan kehidupan serta menyedari potensi diri sendiri sebagai seorang individu dan ahli masyarakat yang seimbang dan produktif selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Jabatan Pendidikan Khas, 2005). Visi pendidikan khas ialah dengan memberikan pendidikan yang berkualiti bagi menjana murid bekeperluan khas selaras dengan sistem pendidikan kebangsaan manakala misinya ialah dengan membangunkan modal insan yang cemerlang berasaskan empat prinsip iaitu sistem pendidikan yang berkualiti, relevan dan menyeluruh. Kedua, perkembangan potensi diri ke tahap yang optimum, keupayaan berdaya saing dan kebolehpasaran dan perkongsian pintar dengan pelbagai pihak. Objektif pendidikan khas ini pula menyediakan peluang dan kemudahan pendidikan khas untuk murid-murid dengan keperluan khas, menyediakan pendidikan yang sesuai dan relevan kepada setiap murid dengan keperluan asas, menyediakan peluang untuk mengembangkan bakat dan potensi murid dengan keperluan khas, menyediakan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang mencukupi dan terkini dan memastikan tenaga pengajar yang mencukupi dan terlatih dalam bidang pendidikan khas. Selain itu, objektif pendidikan khas juga adalah untuk menguasai kemahiran asas 3m, meneruskan pembelajaran di kelas biasa dan membina keyakinan diri dan positif terhadap pembelajaran (Jabatan Pendidikan Khas, 2008). Program pendidikan khas dilaksanakan melalui Sekolah Khas bagi murid bermasalah pendengaran dan penglihatan. Program ini diwujudkan di sekolah harian biasa serta sekolah teknik dan vokasional yang menggunakan pendekatan pengajaran pembelajaran secara pengasingan dan separa inklusif. Tempoh belajar minimum bagi keperluan pendidikan khas di sekolah rendah adalah selama enam tahun manakala tempoh belajar minimum sekolah menengah pendidikan khas selama lima tahun.

Pendidikan khas Kementerian Pendidikan Malaysia dilaksanakan melalui Sekolah Khas bagi murid bermasalah penglihatan dan bermasalah pendengaran, serta Program Pendidikan Khas Integrasi yang disediakan untuk murid-murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran, bermasalah pendengaran dan bermasalah penglihatan. Ia diwujudkan di sekolah harian biasa rendah dan menengah dan sekolah menengah teknik/vokasional yang menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara pengasingan dan separa inklusif. Dari segi kurikulum, murid Pendidikan Khas menjalankan aktiviti kokurikulum seperti murid biasa. Kurikulum yang digunakan di sekolah-sekolah pendidikan khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi ialah kurikulum kebangsaan dan kurikulum alternatif.

“Program pendidikan yang merangkumi aktiviti kurikulum dan kokurikulum yang mencakupi semua ilmu pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, elemen budaya dan kepercayaan untuk membantu mengembangkan murid sepenuhnya dari aspek fizikal, rohani, mental dan emosi serta memupuk dan memperkembangkan nilai murni yang diingini serta untuk menyebarkan ilmu pengetahuan”

(Akta Pendidikan: 1996)

Bagi kumpulan murid dalam spectrum ketidakupayaan yang ringan, sederhana dan teruk dengan pelbagai tahap kefungsiian daripada yang tinggi hingga rendah, telah digubal satu kurikulum khas untuk mereka iaitu Kurikulum Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PKBP). Kurikulum ini digubal berasaskan kepelbagaian keupayaan individu berkeperluan khas yang tidak dapat menerima manfaat daripada program pendidikan arus perdana. Rekabentuk kurikulum yang dibina adalah bersifat fleksibel bagi membolehkan guru mengembangkan bakat dan potensi sedia ada. Dalam konteks Malaysia kanak-kanak berkeperluan khas, ia menekankan kepada kebolehan, kefungsiian, kemahiran, perkembangan, penguasaan dan pencapaian kanak-kanak tersebut dalam kemahiran-kemahiran pengembangan (developmental skills). Maka adalah penting untuk menyediakan kurikulum yang bersesuaian dengan tahap kemahiran dan pengetahuan kanak-kanak tersebut. Hal ini selaras dengan matlamat pendidikan khas di Malaysia iaitu; ... *untuk memberi kesinambungan program yang bermutu bagi memenuhi keperluan dan kebolehan khusus kepada kanak-kanak berkeperluan khas dalam persekitaran (suasana) biasa...*

Kurikulum Pendidikan Khas bermatlamat untuk menyediakan ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang fleksibel untuk memenuhi keperluan individu dengan pelbagai tahap keupayaan ke arah kehidupan bermakna. Selain

itu, kurikulum ini juga menetapkan satu bentuk pengajaran yang tidak terikat, iaitu aktiviti-aktiviti pembelajaran boleh dibentuk mengikut keperluan dan keupayaan murid melalui bidang- bidang seperti Pengurusan Kehidupan, Akademik Berfungsi, Kerohanian dan Nilai - nilai Murni, serta Sosial, Riadah dan Kreativiti. Dalam setiap bidang utama tersebut, masing-masing terdapat komponen-komponen kecil seperti berikut:

a) Bidang Pengurusan Diri

- Komponen Pengurusan Diri
- Komponen Kemahiran Manipulatif
- Komponen Pengurusan Tingkah laku
- Komponen Kemahiran Hidup

b) Bidang Akademik Berfungsi

- Komponen Bahasa Melayu
- Komponen Matematik
- Komponen Bahasa Inggeris
- Komponen Multimedia

c) Bidang Kerohanian dan Nilai-Nilai Murni

- Komponen Pendidikan Agama Islam
- Komponen Pendidikan Moral

d) Bidang Sosial, Riadah dan Kreativiti

- Komponen Pendidikan Jasmani
- Komponen Pendidikan Seni
- Komponen Pendidikan Muzik, Gerakan dan Drama
- Komponen Sains, Sosial dan Alam Sekitar

Melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang fleksibel dan bersepadu diharapkan dapat melahirkan individu yang memiliki ciri-ciri seperti mampu berdikari, berdisiplin dan bersikap positif, bermoral dan beretika, berkemahiran dan berketerampilan, serta produktif dan boleh menyumbang kepada keluarga, masyarakat dan Negara. Hasil pembelajaran tersebut adalah selaras dengan Falsafah Pendidikan Khas (FPK) iaitu:

“la menyediakan perkembangan optimum kanak-kanak dengan keperluan-keperluan pendidikan khas agar dapat berfungsi sebagai individu yang berkemahiran, berdikari, berhaluan, boleh merancang, mengurus

kehidupan sendiri, boleh menyedari potensi sendiri dan boleh menyesuaikan diri dalam masyarakat”

Pelajar-pelajar pendidikan khas adalah pelajar yang mempunyai kekurangan dari segi fizikal, pendengaran, penglihatan dan percakapan. Walaupun begitu, mereka tetap bersekolah kerana mereka juga ingin menjadi manusia yang berguna dan ingin mempunyai pekerjaan. Penilaian tetap diutamakan untuk mereka mengikut tahap persekolahan mereka. Berdasarkan *Buku Maklumat Pendidikan Khas Jpn, Sabah (2009)* menggariskan 4 peringkat penialaian iaitu:

1. Pra Sekolah Pendidikan Khas

- Program Pra-sekolah Pendidikan Khas di jalankan untuk murid-murid yang mempunyai masalah pendengaran dan penglihatan
- Program Pendidikan Khas Pra-sekolah Integrasi : program ini di jalankan di sekoalah aliran perdana yang melaksanakan Program Integrasi Pendidikan Khas
- Syarat kemasukan ke pra-sekolah
 - Berumur 4 tahun
 - Di sahkan oleh pengamal perubatan
 - Boleh mengurus diri tanpa bantuan orang lain

2. Pendidikan Rendah

- Semua sekolah rendah pendidikan khas bermasalah pendengaran dan penglihatan menawarkan aliran akademik dan menggunakan kurikulum kebangsaan.
- Pelajar-pelajar ini akan menduduki Ujian Pendidikan Sekolah Rendah semasa di darjah 6
- Pelajar-pelajar berkeperluan khas yang mengikuti Program Pendidikan Khas Integrasi boleh mengikuti kurikulum kebangsaan atau kurikulum alternatif
- Bagi pelajar-pelajar bermasalah pendengaran dan bermasalah penglihatan mereka menggunakan kurikulum kebangsaan manakala pelajar-pelajar bermasalah pembelajaran menggunakan kurikulum alternatif
- Mereka yang berkemampuan untuk mengikuti kurikulum kebangsaan akan menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)
- Syarat kemasukan murid ke Program Pendidikan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia ialah
 - Berumur 6 hingga 14 tahun

- Di sahkan oleh pengamal perubatan
- Boleh mengurus diri tanpa bantuan orang lain

3. Pendidikan Menengah

- Murid bermasalah pendengaran dan penglihatan mengikuti pendidikan menengah aliran akademik di sekolah menengah yang mempunyai Program Pendidikan Khas
- Manakala murid bermasalah pembelajaran yang tidak dapat mengikuti pembelajaran biasa akan mengikuti pendidikan yang penilaiannya akan dibuat berdasarkan pencapaian mereka di peringkat sekolah.
- Syarat kemasukan murid ke peringkat menengah Program Integrasi Pendidikan Khas, Kementerian Pelejaran Malaysia ialah
 - Berumur 12 hingga 19 tahun
 - Di sahkan oleh pengamal perubatan
 - Boleh mengurus diri tanpa bantuan orang lain


4. Program Pemulihan Khas

- Program ini merupakan satu program yang disediakan bagi membantu pelajar mengatasi masalah belajar yang khusus dalam penguasaan 3M
- Murid yang dikenal pasti sebagai belum menguasai kemahiran asas 3M pada tahap satu akan mengikuti Program Pemulihan Khas
- Program ini dilaksanakan hampir semua sekolah rendah
- Program yang dijalankan ialah Program Pendidikan Pemulihan Khas Tahap Satu (PKTS)
- Murid disaring dengan menggunakan Instrumen Penentu penguasaan IPP3M/IPP2M
- IPP3M terbahagi kepada IPP3M1 untuk murid tahun 1 dan IPP3M2 untuk murid tahun 2 IPP3M3 untuk murid tahun 3
- Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran adalah dengan menggunakan sistem pengasingan sementara (Withdrawal)

Model Kurikulum Pendidikan Khas

Model yang sesuai dalam pendidikan khas ialah Model Integrative Immerging. Model ini terdiri daripada lima unsur yang saling membantu dan di gabungkan bersama-sama dalam menyediakan rangka yang sesuai dan membentuk sebuah proses yang berjaya. Lima unsur yang di perkenalkan dan berdasarkan model Dunkin dan Biddle (1974) adalah seperti berikut:

1. Pembolehubah yang berkaitan dengan pelajar meliputi (umur, jenis kelamin, pengalaman sebelumnya dalam sistem pendidikan,)
2. Pengajaran pembolehubah konteks (sekolah, rumah-bilik dan guru-guru lain, kakitangan inklusi, menyokong program-program di luar sekolah,
3. Isi pembolehubah termasuklah kurikulum kelas dan kurikulum yang di sesuaikan untuk pelajar.
4. Pembolehubah Proses (guru perilaku, termasuk perilaku pelajar, rakan sebaya khas, penyelaras, dan interaksi di antara mereka)
5. Hasil pembolehubah terdiri daripada kesan jangka pendek dan jangka panjang dalam prestasi akademik dan kemahiran sosial dan perangai dan status.



Rajah 5.1 : Gambar menggambarkan bahagian diadaptasi dari model inklusi integratif berdasarkan Dunkin dan Biddle (1974).

Pembolehubah yang berkaitan dengan pelajar

Pembolehubah dalam kategori ini meliputi umur pelajar, jantina, dan kemampuannya untuk bekerja sama dengan orang lain, status sosial-ekonomi keluarga, pekerjaan ibu bapa dan lain-lain. Selain itu, pelajar juga memberikan keterangan dari segi kekuatan dan kelemahan dalam empat bidang berikut: kognitif, perilaku, sosial, dan emosional misalnya, kemampuan verbal pelajar, kemampuannya untuk menunda kepuasan, kemahiran bermain dengan rakan-rakan sebaya, dan sikap terhadap kenalan fizikal. Selain itu, ada juga pembolehubah yang berkaitan dengan pengalaman pelajar dalam pendidikan sebelumnya, pelbagai kaedah rawatan, atau gabungan cubaan dahulu.

I. Konteks pembolehubah

Pembolehubah konteks merujuk pada faktor-faktor sekolah dan masyarakat, seperti persekitaran sekolah, di sokong oleh faktor-faktor gabungan, pengurusan sekolah yang seragam, komuniti ibu bapa sekolah, dan biro dasar pendidikan. Selain itu, ia juga di sokong oleh pembolehubah lain iaitu rakan-rakan khas di kelas inklusif seperti toleransi dan penerimaan terhadap mereka yang berbeza, masalah disiplin, kesulitan dalam interaksi sosial, struktur kelas, dan halangan dalam kelas yang perlu diatasi. Selanjutnya, kategori ini termasuk pembolehubah yang berkaitan dengan struktur fizikal kelas seperti organisasi kerusi dan meja, tempat bekerja yang berbeza dalam dan di luar kelas, peralatan yang sedia ada dan faktor lain seperti kebisingan. Model ini juga mengambil kira guru-guru, penyelaras, dan pendidik profesional yang lain. Hal ini bertujuan untuk menggambarkan sikap dan kepercayaan terhadap penerimaan mereka yang berbeza, dan usaha untuk menentukan berapa banyak yang bersedia untuk memberikan sumbangan terhadap kejayaan proses gabungan.

II. Isi pembolehubah

Isi pembolehubah merangkumi semua aspek dari kurikulum yang dirancang oleh sekolah-sekolah dan guru profesional untuk seluruh kelas. Mereka juga merujuk pada perancangan individu direka oleh guru dan penyelaras dalam rangka menyokong proses gabungan.

III. Proses pembolehubah

Pembolehubah ini menggambarkan perangai pelajar di kelas,interaksinya dan cara kerjasama. Diantaranya adalah perangai guru terhadap anaknya dan pelajarnya, strategi yang di gunakan oleh penyelaras, perangai pelajar terhadap kognitif, sosial, perangai dan emosi serta perubahan perangainya. Pembolehubah lain adalah sikap rakan-rakan sebaya terhadap anak-anak termasuklah di dalam kelas ataupun di luar sekolah.

IV. Pembolehubah produk

Hasilnya dapat di lihat terutama berkaitan dengan mahasiswa. Ia juga menilai dari aspek seperti prestasi akademik yang di ukur dengan ujian, prestasi berdasarkan kemahiran, status sosial, dan dalam jangka masa panjang adalah sikap profesional dan kehidupan. Selain itu, keputusan juga di ukur dengan perubahan sikap yang berkaitan dengan rakan dan guru dan rakan juga di nilai dalam kategori ini. Perubahan jangka panjang juga di ukur berdaarkan gabungan pelajar dan masyarakat.

V. Prosedur Pelaksanaan

Beberapa langkah penting untuk memastikan proses gabungan konstruktif. Prosedur-prosedur penting perlu di rancang sebelum awal tahun dan di gunakan sepanjang tahun. Satu keuntungan utama dari model ini terletak pada struktur yang fleksibel, di mana beberapa langkah mungkin alternatif dengan orang lain atau hanya saling berkaitan. Bab berikut ini menggambarkan langkah-langkah yang diperlukan untuk penggabungan yang berkesan. Setiap langkah yang berkaitan dengan bahagian yang sesuai dari model (dalam kurungan).

Prosedur Awal

1. Memilih penasihat yang akan bertanggung jawab atas program dan kakitangan yang terlibat.
2. Pengumpulan dan ringkasan dari semua pembolehubah penting termasuk ciri-ciri pelajar dan keluarganya. Ia mesti dilakukan oleh penasihat dan keluarga (petanda).
3. Memilih sekolah mestilah dilakukan oleh penasihat dan keluarga. Lokasi sebaiknya jarak dekat dari rumah pelajar untuk menjamin interaksi sosial.

4. Pengetua memilih guru yang sesuai dan guru profesional yang lain. Guru-guru ini mestilah bekerjasama dengan penyelarasa.
5. Pengetua haruslah memilih saiz ruang dan kelas. Disarankan untuk memilih bilik yang luas dan sesuai untuk pembelajaran.
6. Guru haruslah memastikan kedudukan pelajar di dalam kelas haruslah sesuai dan dapat menerima pengajaran dengan baik. Kedudukan ini juga haruslah dapat melihat dengan jelas di samping memudahkan pelajar berkomunikasi dengan guru.
7. Penyelarasa yang di pilih haruslah bertanggungjawab melaksanakan program dan semua kerja yang terlibat. Penyelarasa juga haruslah mempunyai latar belakang dalam bidang-bidang seperti pedagogi, pendidikan ASD, dan khusus dan mereka juga haruslah terlatih.
8. Penyelarasa haruslah membina hubungan yang baik dengan pelajar. Mereka haruslah mengenali pelajar dan memastikan mereka dapat menolong pelajar jika bermasalah.
9. Pelajar-pelajar berkenalan antara satu sama lain untuk tujuan bekerjasama antara satu sama lain.
10. Persiapan peralatan dan bahan-bahan untuk membantu pelajar-pelajar mendapat pendidikan yang baik.
11. Setiap anggota haruslah bekerjasama dengan baik.

Perbincangan

Selepas mencapai kemerdekaan, kerajaan Malaysia khususnya pada tempoh 1960 an telah melibatkan diri secara langsung dalam perihal pendidikan khas. Perubahan dasar ini kelihatan ketara berbanding di zaman penjajahan Inggeris. Ini adalah kerana ketika itu tidak terdapat peruntukan perundangan berkaitan dengan persoalan ini. Namun, keadaan ini telah berubah kerana Akta Pelajaran 1961 telah menyentuh tentang pendidikan khas. Menurut Wong (2002), Kerajaan juga telah menyedari betapa pentingnya menyediakan pendidikan yang berkualiti kepada pelajar maka satu Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan untuk meneliti keperluan-keperluan pendidikan termasuk pendidikan khas pada tahun 1979. Terdapat kelemahan dalam kesesuaian kurikulum vokasional pelajar khas yang sedia ada dan kelemahan ini menyebabkan kegagalan untuk memberikan kemahiran kepada pelajar khas. Kelemahan yang pertama berkaitan dengan aspek kemahiran bekerja. Diketahui bahawa tahap penguasaan pelajar khas ini lemah dan rendah maka mereka yang keluar sekolah di dapati tiada kemahiran untuk bekerja. Faktor kegagalan ini menyebabkan mereka gagal diserapkan kedalam dunia pekerjaan.


Pelajar seharusnya dilatih untuk menguasai sesuatu kemahiran seperti kraftangan, bermain muzik dan lain-lain bagi memastikan mereka benar-benar mahir dalam bidang tersebut. Bukan sekadar menguasai kemahiran sahaja, sebagai contoh bidang kraftangan, segala barangan yang dihasilkan hendaklah dipasarkan dimana mereka boleh mendapatkan kembali modal untuk menyediakan barangan baru. Secara tidak langsung, dengan terjualnya barangan ini, mereka akan lebih bermotivasi untuk menghasilkan barangan baru dan seterusnya mengasah bakat kreativiti mereka. Selain itu kelemahan dalam kemahiran komunikasi juga menjadi faktor kegagalan pelajar ini dalam mencari pekerjaan. Ini kerana, pelajar ini mempunyai tahap komunikasi yang rendah berbanding dengan tahap yang sepatutnya dikuasai bagi tujuan pekerjaan. Masalah ini berkait rapat dengan kemahiran sosial pelajar berkenaan dimana sebahagian pelajar ini mempunyai bentuk komunikasi yang sehalu yang menjadi penghalang dalam proses interaksi dengan orang lain. Pelajar khas ini seharusnya dilatih dengan kemahiran komunikasi yang merupakan sebagai pelengkap kepada kemahiran vokasional yang dikuasai oleh pelajar. Kemahiran komunikasi penting dalam dunia pekerjaan kerana ia menggambarkan kemahiran pekerja mengikut arahan kerana ia merupakan komponen yang penting dalam penentuan penerimaan bekerja seseorang oleh majikan.

Kurikulum yang sedia ada tidak menjurus kepada penyediaan pelajar untuk bekerja. Mereka diajarkan membaca, menulis dan mengira. Ini menunjukkan bahawa kelemahan kurikulum sedia ada hanya menumpukan kearah akademik sahaja dimana aspek pendidikan vokasional kurang diterapkan. Ini disebabkan mereka akan kurang kemahiran dan sukar mencari pekerjaan kerana pelajar kurang diberi peluang untuk mengasah kemahiran. Seharusnya kurikulum bagi pelajar khas ini hendaklah tertumpu dalam bidang vokasional dan kemahiran. Dengan kemahiran yang diajarkan ini akan membekalkan mereka kepada peluang pekerjaan. Masa hadapan pelajar ini juga lebih cerah dan terjamin. Walaupun tahap pengetahuan dan penguasaan mereka lemah, tetapi mereka mampu untuk menghasilkan sesuatu yang berguna atau produk kepada masyarakat. Jadi, kewujudan mereka ada nilainya dimata masyarakat. Bagi model kurikulum pendidikan khas, model yang bersesuaian dengan kurikulum ini ialah Model Intergratif Immersing. Terdapat beberapa kelemahan dalam model ini, maka inovasi model telah dilakukan untuk mendapatkan model kurikulum yang menepati piawaian pendidikan yang terdapat di Malaysia. Objektif utama dalam model ini adalah untuk mencapai matlamat yang sama iaitu self actualization.

Inovasi model ini hanya akan menambah beberapa komponen yang dirasakan sesuai untuk diserapkan kedalam model ini dan untuk mendapatkan model yang sejagat dan universal. Model yang telah diubah suai ini akan diberi nama model penyatuan kurikulum

pendidikan khas. Inovasi model dilakukan dengan menambahkan matlamat pada model ini. Matlamat yang paling utama dan harus ditekankan ialah mencapai self actualization. Apa yang dikatakan sebagai self actualization adalah dimana seseorang pelajar itu mengetahui tujuan mereka diciptakan dan mengetahui tanggungjawab mereka sebagai khalifah. Tidak kira mereka sempurna atau kurang sempurna, manusia yang dijadikan oleh Tuhan merupakan seorang khalifah. Kemudian, penambahan maklumbalas juga dilakukan. Maklumbalas ini juga amat penting untuk menilai sesebuah kurikulum kerana dengan adanya proses maklumbalas, maka kurikulum yang dirangka tidak akan ketinggalan zaman.

Segala masalah yang timbul boleh dibaiki dan segala masalah yang timbul semasa proses penyampaian kurikulum ini boleh dicari dan dibaiki. Dengan adanya maklumbalas, membolehkan kurikulum ini bertahan lama. Maklumbalas juga membolehkan kurikulum diperbaiki dan seterusnya dapat memberikan kurikulum yang terbaik kepada semua pelajar. Yang terakhir adalah dengan penyerapan nilai-nilai murni serta kemahiran generik juga dititikberatkan. Dalam pengajaran dan pembelajaran, penyerapan nilai-nilai murni dan kemahiran generik ini penting untuk menjadikan pelajar lebih berguna, berhemah tinggi dan berbudi pekerti. Dalam penerapan kemahiran generik seperti kemahiran berkomunikasi supaya mereka tidak janggal untuk berhadapan dengan orang lain atau majikan. Selain itu, kemahiran generik yang turut diserapkan dalam model ini seperti kemahiran bekerjasama, pembelajaran yang berterusan, berfikiran kreatif, kebolehan menyelesaikan masalah dan sebagainya. Dengan pengubahsuaian model ini, diharapkan kurikulum yang sedia ada dapat diperbaharui untuk menyediakan pelajar lebih ke arah pekerjaan. Bukan sekadar untuk menyediakan pekerjaan dalam hidup malah mereka berusaha untuk mencapai aktualisasi diri. Kesedaran ini membolehkan mereka dapat hidup dengan lebih sempurna dan tiadanya masyarakat memandang serong kepada pelajar khas. Walaupun mereka pelajar-pelajar khas, tetapi mereka kaya dengan kemahiran dan budi bahasa yang tinggi. Berikut merupakan model yang telah diubahsuai:



Rajah 6.1 : Model Penyatuan Pendidikan Khas

Cadangan

Antara cadangan yang dikemukakan bagi kurikulum pendidikan khas ini ialah:

1. Kurikulum hendaklah menekankan kepada bidang kemahiran yang member harapan pekerjaan selepas mereka keluar sekolah.
2. Kemahiran generik hendaklah diutamakan bagi keperluan sosial mereka.
3. Kementerian Pelajaran Malaysia mengeluarkan pekeliling dan peringatan kepada sekolah tentang kepentingan program pemulihan khas.
4. Mewujudkan pelan pelaksanaan kurikulum bagi program pemulihan khas dengan lebih sistematik.
5. Menubuhkan pasukan sokongan keluarga bagi menggalakkan penglibatan aktif ibu bapa dengan pihak sekolah.
6. Menyediakan bahan yang mudah didapati dan mudah difahami oleh pelajar yang kurang upaya.

Penutup

Pendidikan khas boleh dipertimbangkan di mana sekolah biasa belum mempunyai kemudahan yang diperlukan atau bila mana pendidikan khas dianggap paling sesuai bagi pelajar kurang upaya. Ia harus bertujuan untuk menyediakan pelajar untuk di didik di sekolah biasa. Kualiti pendidikan harus menggambarkan piawaian serta aspirasi sama seperti pendidikan khas dan harus berkaitan dengannya. Pelajar kurang upaya ini harus diberi pengagihan sumber pendidikan sama seperti yang diberikan kepada pelajar normal. Kesimpulannya diharapkan bahawa matlamat falsafah pendidikan khas seperti mana yang digariskan oleh JPK iaitu pendidikan khas di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan untuk melahirkan insan yang berkemahiran, berhaluan, berupaya, beriman, berdikari, mampu merancang dan menguruskan kehidupan serta menyedari potensi diri sendiri sehagai seorang individu dan ahli masyarakat yang seimbang dan produktif se1aras dengan falsafah pendidikan negara dapat dicapai melalui tiga program pendidikan khas utama iaitu Program pendidikan di sekolah khas, Program pendidikan percantuman, dan Program pendidikan inklusif.

Rujukan

Garis Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas 2008. Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia.

<http://anuarsped.blogspot.com/2009/01/akta-pendidikan-khas.html> retrieved on 4 oktober 2010

<http://anuarsped.blogspot.com/2009/01/falsafah-pendidikan-khas.html> retrieved on 4 okt 2010

<http://ceritarasahati2.blogspot.com/2009/05/kurikulum-pendidikan-khas-pkbp.html> retrieved on 4 oct 2010.

<http://jpt.mohe.gov.my/RUJUKAN/akta/akta%20pendidikan%201996.pdf> retrieved on 4 oktober 2010.

<http://www.gradschools.com/article-detail/special-education-curriculum-248> retrieved on 4 oktober 2010

Mah Hassan Haji Omar, *Akta orang cacat 200*. Majlis Penasihat dan Perundangan bagi Orang Kurang Upaya.

Rachel Talmor dan Zohar Dayan Romem (2009). *An Integrative Model For Including Children With Autistic Spectrum Disorder In General Education Settings – A Practical Lesson In Israel*. Wingate Institute: Israel

Siti Hawa Abdullah, *Pendidikan Untuk OKU di Malaysia*. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan. Universiti Sains Malaysia.

Wong Huey Siew dan Sandiyao Sebestian (2002), *Pendidikan bagi Komuniti Orang Kurang Upaya*. Issues in Education, Volume 25, Universiti Malaya

Zainudin Mohd. Isa(2008). *Analisis Keperluan Kurikulum Pendidikan Vokasional Pelajar Bermasalah Pembelajaran (LD) di Malaysia*. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan : Universiti Kebangsaan Malaysia.